



Ahli Pasukan Kadet Remaja Sekolah yang mewakili Daerah Hulu Langat ke peringkat negeri Selangor tetap menjalani latihan, semalam.
[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]



PENGUMUMAN
SK SUNGAI SOI AKAN BERCUTI
PADA 24.6.2013

KEKASA JEREND MELEPASI BACAAN IPU TIDAK SIHAT
 MONGA KEPJASAMA MASYARAKAT SETEMPAT
 MENYERAHKAN MAKLUMAT INI .

TERIMA KASIH
 STASIA 1481 PPD BANTAR

Pengawal Keselamatan Sekolah Kebangsaan Sungai Soi, Kuantan **menampal notis pemberitahuan sekolah ditutup** berikutan bacaan IPU tidak sihat, semalam.
 BH 24/6/13 MS 6 [FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

INFO

**INDEKS
 PENCEMARAN UDARA**

Bacaan IPU

NILAI IPU	STATUS
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak sihat
201-300	Sangat tidak sihat
melebihi 301	Berbahaya

Negeri/Kawasan	7 pagi	11 pagi	5 petang
Johor			

Pembenihan awan sukar

Johor			
▷ Muar	746	690	507
Melaka			
▷ Bukit Rambai	334	428	443
▷ Bandaraya Melaka	357	415	373
Negeri Sembilan			
▷ Port Dickson	166	184	276*
Selangor			
▷ Pelabuhan Kelang	188	192	214
▷ Petaling Jaya	108	125	151
Pahang			
▷ Balok Baru, Kuantan	135	149	183
Terengganu			
▷ Kemaman	137	153	174
Wilayah Persekutuan			
▷ Batu Muda	97	108	140
Pahang			
▷ Indera Mahkota, Kuantan	100	107	138



» Cuaca kering, tak berawan halang proses

▣ Kuala Lumpur

Pembenihan awan bagi meringankan jerebu terutama di Muar dan Ledang di Johor yang diisytiharkan darurat bencana tidak dapat dilakukan sekarang kerana cuaca yang kering dan tidak berawan.

Keadaan itu berserta taufan Tropika Bebinca (Fabian) yang sedang melanda Laut China Selatan dengan tiupan angin dari Barat Daya yang lebih kuat membawa jerebu merentas sempadan di rantau ini menyukarkan lagi proses pembenihan awan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Che Gayah Ismail, berkata taufan terbabit dijangka berakhir esok dan pembenihan awan akan dapat dilakukan apabila keadaan cuaca di negara ini kembali berawan.

"Jabatan Meteorologi dan tentera udara sentiasa berada dalam keadaan



bersiap sedia untuk melaksanakan pembenihan apabila keadaan mengizinkan, namun buat masa ini ia tidak dapat dilakukan kerana keadaan cuaca.

"Buat masa ini tiada awan langsung di negara kita kerana ditarik ke ka-

"
Jabatan Meteorologi dan tentera udara sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia untuk melaksanakan pembenihan apabila keadaan mengizinkan"

Che Gayah Ismail,
 Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi

wasan taufan yang melanda Laut China itu, kita kena tunggu sehingga ada awan yang sesuai, maka pada masa itu pembenihan akan dilakukan.

Proses di ruang udara negara

"Pembenihan awan yang dirancang akan dilakukan di ruang udara negara ini saja bagi mengatasi masalah jerebu terutama di kawasan terjejas teruk," katanya ketika ditemui pada sidang media di sini, semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim; Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Halimah Hassan dan Timbalan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Ogu Salim Omar.

Sementara itu, Halimah ketika ditemui menjelaskan masalah jerebu yang melanda negara akan berkurangan sekiranya titik panas kawasan pembakaran hutan di negara jiran dapat dikurangkan.

"Pada 18 Jun lalu kita mengesan 187 titik panas ataupun kawasan pembakaran hutan yang berlaku di negara jiran, namun jumlah itu semakin berkurangan dan terakhir kita mengesan 118 titik panas semalam.

Kualiti udara di ibu negara dan Putrajaya pada tahap tidak sihat sehingga petang semalam.

Keadaan jerebu yang teruk di sekitar Muar menghadkan jarak penglihatan kepada pengguna jalan raya.

[FOTO SHAHRUL M ZAIN]



Pihak tidak bertanggungjawab membakar sisa buangan kilang di Jalan Anggerik Mokara, Kota Kemuning, sejak semalam.

[FOTO HAMID KARIM/BH]

BH 24/6/13 ms 7

FAKTA NOMBOR

Penduduk Muar, Ledang kena patuh darurat

Pembakaran terbuka masih berleluasa

Shah Alam: Indeks Pencemaran Udara (IPU) di bandar raya semalam mencatatkan bacaan melebihi paras 130, namun masih ada pihak tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran terbuka.

Tinjauan BH mendapati kegiatan itu berlaku di kawasan perusahaan kecil di Jalan Anggerik Mokara, Seksyen 31, Kota Kemuning dan Seksyen 32, Bukit Naga, di sini.

Tidak bertanggungjawab

Sikap tidak bertanggungjawab itu dipercayai dilakukan oleh beberapa kilang di kawasan terbabit yang bersikap lepas tangan apabila membakar sisa industri

sehingga menyebabkan beberapa pokok berdekatan terbakar.

Ia seolah-olah mencabar Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang sebelum ini mengisytiharkan Selangor, Melaka dan Johor sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka mengikut Seksyen 29AA (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 2001, kecuali pembakaran mayat dan keagamaan, berkuat kuasa Isnin lalu.

Mereka yang ingkar melakukan pembakaran terbuka boleh didenda RM500,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Kompaun maksimum RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Polis Johor tingkat

Lapangan Terbang Kendalian MAHB Operasi Seperti Biasa

39 lapangan terbang

diuruskan Malaysia Airport
Holdings Berhad di seluruh negara

1,000 meter

jarak penglihatan selamat untuk
lapangan terbang beroperasi

300 meter

jarak penglihatan Jabatan Penerbangan
Awam mengarahkan
penutupan landasan

Tawau: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam meminta penduduk Muar dan Ledang di Johor mematuhi sepenuhnya perintah darurat bencana jerebu bagi mengurangkan risiko kesihatan yang berpunca daripada masalah jerebu.

“Saya minta penduduk duduk di rumah. Jangan keluar kerana keadaan ini berisiko tinggi kepada kesihatan.

Pelbagai jenis racun

“Ada pelbagai jenis racun dan bahan lain termasuk debu dan zarah atau bahan yang lebih besar yang kalau disedut boleh menimbulkan masalah khususnya kepada mereka yang mempunyai penyakit berkaitan paru-paru,” katanya selepas menghadiri majlis penghargaan warga Kementerian Kesihatan yang terbabit dalam Operasi Daulat di Lahad Datu, di sini, semalam.

Subramaniam berkata melainkan ada sebab kecemasan, penduduk dua daerah itu perlu sentiasa berada dalam rumah dan mereka yang mempunyai kemudahan pendingin hawa digalakkan menggunakan 'recycling mode'.

Katanya kementerian akan memantau keadaan jerebu di seluruh negara termasuk dua daerah berkenaan sehingga keadaan kembali

pulih dan selamat.

Beliau berkata semua klinik kesihatan sudah diarah supaya bersedia menghadapi kemungkinan peningkatan bilangan pesakit yang mendapat rawatan.

Tutup sementara operasi

“Di peringkat kementerian, kita ada bilik operasi berfungsi dari pagi hingga jam 5 petang setiap hari bagi memantau kawasan terbabit daripada segi kesihatan,” katanya.

Mengenai penduduk Muar dan Ledang yang mungkin perlu keluar bekerja, beliau menjelaskan apabila darurat diisytiharkan bermakna majikan perlu menutup sementara operasi termasuk kilang.

Katanya hanya mereka yang bertugas dengan jabatan berkaitan kecemasan dibenarkan keluar bekerja.

Di **Johor Bahru**, kes berkaitan pernafasan serta asma di Johor meningkat lebih 100 peratus, sejak masalah jerebu berlaku di negeri ini dan keadaan itu akan berlarutan jika orang ramai mengambil mudah kesihatan mereka.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr Mohd Khairi Yacob, berkata kanak-kanak paling berisiko menghadapi masalah kesihatan ketika jerebu berikutan salur pernafasan mereka belum matang, selain warga tua.

tahap keselamatan

Johor Bahru: Polis Johor meningkatkan tahap keselamatan dan pengawasan di Muar serta Ledang yang diisytiharkan darurat bencana jerebu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata pihaknya juga akan mengambil langkah khas untuk membantu orang ramai sekiranya berlaku kecemasan sepanjang perintah darurat.

“Kita sudah maklum dengan perintah darurat dikeluarkan dan polis akan melaksanakan tugas mengikut prosedur operasi ditetapkan termasuk mengarahkan anggota melakukan pengawasan di tempat tertentu.

“Anggota polis juga diarahkan berkawal di lokasi yang berkeungkinan menjadi tumpuan

penjenayah bagi mengelak mereka mengambil kesempatan sepanjang darurat ini,” katanya ketika dihubungi semalam.

Tak perlu bimbang

Mohd Mokhtar berkata, orang ramai juga tidak perlu bimbang serta panik dengan perintah darurat dikeluarkan, selain dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga memastikan keselamatan mereka terjamin.

“Unit peronda diarahkan berada dalam keadaan siap siaga, malah mereka akan membantu orang awam dengan membawa mereka terus ke hospital atau klinik berdekatan sekiranya berlaku kecemasan membabitkan masalah kesihatan,” katanya.

